

## Jangan pertikai pelaksanaan CRS

---

**PELABUHAN KLANG** : Semua pihak diminta tidak mempersoal penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) yang dikuatkuasakan di negara ini. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, insiden seorang kanak-kanak berusia dua tahun yang tercampak di lebuhraya pada Isnin lalu sudah cukup menjadi pengajaran kepada masyarakat mengenai kepentingan kerusi keselamatan itu. “Mangsa tercampak kerana tidak menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak. Bayangkan apa akan terjadi kepada kanak-kanak itu jika kenderaan di belakang tidak sempat memberhentikan kenderaan. “Kanak-kanak itu sangat bertuah. Jika berlaku apa-apa kepada kanak-kanak itu, mungkin keluarganya menyesal,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan tapak pameran pemeriksaan awam projek ECRL di Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Klang di sini semalam. Dalam kejadian kira-kira jam 3.20 petang itu, kanak-kanak itu terselamat dalam kemalangan berlaku di Kilometer 235.5, Lebuhraya Utara Selatan, berhampiran Linggi. Video yang dirakamkan menerusi kamera papan pemuka seorang pengguna jalan raya itu turut tular di laman sosial.

Sementara itu, Anthony berkata, pihaknya bukan memberikan penekanan kepada kerusi keselamatan semata-mata, sebaliknya banyak perkara lain berkaitan keselamatan jalan raya juga diambil kira. “Kemalangan ini berpunca daripada pelbagai faktor tetapi netizen kata saya hanya sibuk tentang perkara lain. “Memang kita jalankan usaha memperketatkan peraturan bagi kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah. Pada masa sama, kerusi keselamatan kanak-kanak juga penting,” katanya.

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 18 | 14 FEBRUARI 2020**